



JABATAN TENAGA KERJA SARAWAK

Buletin JTK Sarawak

Edisi 22

Jan - Jun 2020



SIDANG EDITOR

Penasihat	Encik Awang Raduan bin Awang Omar (Pengarah)
Ketua Editor	Encik Sulaiman bin Ismail (Timbalan Pengarah)
Editor	Encik Ewiim @ Ewiin anak Michael Sinar (Bahagian Penyelidikan dan Maklumat)
Penyelaras	Encik Jeffry Douglas anak William Nagun (Bahagian Penyelidikan dan Maklumat)
Ahli-ahli	Encik Wahid bin Olen (Bahagian Penyelidikan dan Maklumat)
	Encik Mohamad Shahrudin bin Zaidil (Bahagian Khidmat Pengurusan)
	Puan Sapinah binti Mohamad Ibrahim (Bahagian Standard Perburuhan)
	Puan Norhafizah binti Ismail (Bahagian Penguatkuasaan)
	Puan Kartini anak Anthony Juan (Bahagian Penggajian Pekerja Bukan Pemastautin)
	Puan Lolita anak Codala (Bahagian Perkhidmatan Pekerjaan)
Urusetia	Puan Tan Hui Mien (Bahagian Penyelidikan dan Maklumat)
	Puan Sim Ling Foong (Bahagian Penyelidikan dan Maklumat)
Jurufoto	Encik Hayden anak Laie (Bahagian Penyelidikan dan Maklumat)
	Encik Kipli bin Dollah (Bahagian Khidmat Pengurusan)

KANDUNGAN

Seksyen	Muka Surat
<i>Dari Meja Ketua Editor</i>	1
<i>Perutusan Pengarah Tenaga Kerja Sarawak</i>	2
<i>Aktiviti Rasmi Jabatan</i>	3 - 23
<i>Sudut Pendidikan Perburuhan</i>	24 - 26
<i>Info ICT</i>	27 - 28
<i>Berita warga</i>	29 - 38
<i>Berita Keluarga</i>	39
<i>Mutiara Kata</i>	40
<i>Alamat Pejabat</i>	41 - 43
<i>Penghargaan</i>	44



DARI MEJA KETUA EDITOR

Assalamualaikum wbt,
Salam sejahtera,

Masa begitu pantas berlalu. Pada 18 Mac 2020, akibat Pandemik Covid-19 yang melanda seluruh dunia, negara kita telah mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Sejak itu, sehingga sekarang pandemik berkenaan masih belum dapat dikawal sepenuhnya.

Akibat perintah berkenaan, banyak program dan aktiviti yang telah dirancang telah ditangguhkan atau dibatalkan. Namun begitu, kita sewajarnya bersyukur kerana apa yang melanda negara kita tidaklah seteruk apa yang dialami oleh sesetengah negara lain.

Walau apa pun, mari kita terus bergerak ke hadapan. Saya mengucapkan selamat bertemu kembali kepada semua pembaca yang budiman. Dalam Buletin JTK Sarawak edisi kali ini, kita akan menyajikan program-program dan aktiviti-aktiviti yang berlangsung dari bulan Januari hingga Jun 2020 buat tatapan semua.

Ini menunjukkan kesungguhan warga Jabatan Tenaga Kerja Sarawak untuk terus memberi khidmat dan melaksanakan program yang dirancang dalam penguatkuasaan SOP yang ditetapkan. Ini seterusnya dapat menyediakan bahan untuk buletin ini diterbitkan buat tatapan kalian.

Akhir kata, semoga kita semua sihat dan ceria selalu. Semoga perkongsian kali ini bermanfaat jua adanya.

Selamat membaca.

SULAIMAN BIN ISMAIL
Ketua Editor

PERUTUSAN PENGARAH TENAGA KERJA SARAWAK



Assalamualaikum wbt dan salam sejahtera,

Buletin JTK Sarawak tatapan pembaca budiman kali ini merupakan edisi yang ke-22. Kami berasa gembira dapat bertemu sekali lagi dengan pembaca budiman.

Suasana pertemuan kita kali ini agak berlainan dengan keadaan sebelum ini. Kita masih lagi dalam keadaan berhadapan dengan Pandemik Covid-19 yang melanda seluruh dunia.

Walaupun demikian, usaha untuk memberikan penyampaian perkhidmatan terbaik terus kita laksanakan. Apa yang telah kita rancang untuk dilaksanakan pada tahun ini akan terus kita buat demi kepentingan rakyat.

Saya sangat berharap kerjasama sepasukan yang telah ditunjukkan selama ini oleh semua warga kerja Jabatan Tenaga Kerja Sarawak akan dapat dikekalkan dan terus dipertingkatkan lagi. Ini kerana jabatan kita terus berusaha gigih untuk meningkatkan imej kita sebagai sebuah jabatan penguatkuasaan yang berwibawa dan penuh berintegriti dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan kepada kita semua. Marilah kita meneruskan langkah ke arah itu dengan penuh keazaman dan semangat juang yang tinggi.

Akhir kata, saya juga ingin mengucapkan syabas kepada pegawai dan staf Jabatan Tenaga Kerja Sarawak kerana masih dapat menunjukkan komitmen tinggi untuk melaksanakan program dan aktiviti walaupun kita bekerja dalam norma yang baharu akibat Pandemik Covid-19 ini.

Selamat membaca.

AWANG RADUAN BIN AWANG OMAR
Pengarah Tenaga Kerja Sarawak

AKTIVITI RASMI JABATAN

Kursus Pemeriksaan Berkanun

Bahagian Standard Perburuhan, Jabatan Tenaga Kerja Sarawak telah menganjurkan Kursus Pemeriksaan Berkanun seperti berikut:-

Siri 1/2020	
13 hingga 16 Januari 2020 (36 peserta)	Merdeka Palace Hotels & Suites, Kuching
↓	
Siri 2/2020	
17 hingga 20 Februari 2020 (35 peserta)	NU Hotel, Bintulu

Kursus ini bertujuan untuk mengukuhkan kefahaman dan ilmu berkaitan dengan pemeriksaan berkanun. Modul kursus meliputi sesi syarahan dan amali. Pengisian kursus pula merangkumi tajuk-tajuk seperti kuasa pegawai pemeriksa, prosedur pemeriksaan, teknik pemeriksaan, penyediaan laporan pemeriksaan dan tindakan susulan. Menerusi kursus ini peserta berupaya mengendalikan pemeriksaan berkanun di tempat pekerjaan dengan lebih mahir dan menggunakan teknik-teknik yang dipelajari terutamanya dalam memperoleh maklumat yang diperlukan dalam pemeriksaan. Peserta juga berupaya menjalankan pemeriksaan dengan yakin dan ini seterusnya membolehkan aktiviti pemeriksaan berkanun dijalankan dengan lebih teratur dan berkesan.

Di akhir kursus, peserta telah menjalani satu operasi khas pemeriksaan berkanun di kawasan yang terpilih. Hasil daripada pemeriksaan telah pun dibincang dan beberapa kelemahan telah dikenal pasti dan dimaklumkan kepada peserta untuk penambahbaikan di masa hadapan.

Perasmian penutupan kursus dan penyampaian sijil penyertaan kepada peserta kursus Siri 1 telah disempurnakan oleh Pengarah Tenaga Kerja Sarawak, Encik Awang Raduan Bin Awang Omar pada 16 Januari 2020 manakala bagi Siri 2 disempurnakan oleh Ketua Bahagian Standard Perburuhan, Puan Jamillah binti Putit pada 20 Februari 2020.



Peserta-peserta sedang memberi perhatian dalam sesi syarahan yang disampaikan oleh penceramah



Peserta dalam kumpulan kecil mengadakan perbincangan sebelum bergerak ke tempat pekerjaan dalam Operasi Khas Pemeriksaan Berkanun

AKTIVITI RASMI JABATAN

Gambar sekitar Kursus Pemeriksaan Berkanun



Sebahagian peserta sedang menjalankan pemeriksaan di sebuah tempat pekerjaan dalam operasi khas pemeriksaan berkanun



Peserta dalam kumpulan kecil mengadakan perbincangan dalam latihan kumpulan



Peserta menerima sijil kursus daripada Pengarah tenaga Kerja Sarawak semasa Majlis Penutupan Kursus



Peserta berbincang dan bertukar ilmu semasa kursus



Peserta-peserta berkumpul di pintu hadapan NU Hotel Bintulu sebelum bergerak untuk menjalankan operasi khas pemeriksaan berkanun

Mesyuarat Penambahbaikan Proses Kerja dan Dokumentasi Permohonan Permit Perburuhan

Mesyuarat penambahbaikan ini diadakan pada 14 dan 15 Januari 2020 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, Tingkat 13, Bangunan Sultan Iskandar, Kuching yang melibatkan seramai 18 orang pegawai dari gred S48 hingga S41.

Mesyuarat ini dianjurkan oleh Bahagian Penguatkuasaan bagi melihat semula proses kerja dan dokumentasi permohonan permit perburuhan. Di mana pemprosesan permit perburuhan ini adalah salah satu aktiviti jabatan yang bermula dari pemprosesan di peringkat Pejabat Tenaga Kerja Bahagian sehinggalah kelulusan di peringkat Ibu Pejabat.

Antara objektif mesyuarat ini adalah seperti berikut:-

- (1) mengenal pasti proses kerja yang lebih memudahkan proses pengurusan permohonan dan penyiasatan permit perburuhan dengan lebih efisien dan efektif seterusnya melancarkan pengeluaran permit perburuhan di peringkat Ibu Pejabat;
- (2) mengkaji keberkesanan proses kerja yang ada sekarang dan mengenal pasti di mana ketidakberkesanan proses kerja yang menyebabkan kelewatan pemprosesan permit perburuhan; dan
- (3) mendapatkan pandangan dan pendapat serta persetujuan Bersama dalam mengenalpasti proses kerja yang lebih berkesan bermula dari peringkat pejabat tenaga kerja sehingga ke peringkat Ibu Pejabat.



AKTIVITI RASMI JABATAN

Perhimpunan Bulanan Jabatan Tenaga Kerja Sarawak Bil. 1 Tahun 2020

Perhimpunan Bulanan Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Sarawak Bil. 1/2020 telah diadakan pada 3 Februari 2020 bertempat di Auditorium Tingkat 17, Bangunan Sultan Iskandar. Perhimpunan ini disertai warga Ibu Pejabat dan warga Pejabat Tenaga Kerja Kuching, Serian, dan Kota Samarahan serta semua Ketua Pejabat Tenaga Kerja di Sarawak. Semasa perhimpunan kali ini, aktiviti yang dijalankan termasuk pembacaan ikrar Integriti Perkhidmatan Awam, Persembahan Koir, Perkenalan dengan warga Jabatan yang baru, berpindah dan kenaikan pangkat.



Sesi Town Hall Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia (KSM) Bersama Warga Jabatan Di Bawah KSM di Sarawak

Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Sarawak telah menganjurkan Sesi Town Hall Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Sumber Manusia (KSM) bersama warga Jabatan / Agensi KSM di Sarawak pada 30 Januari 2020 bertempat di Islamic Information Centre, Kuching. YBhg. Dato' Amir bin Omar, KSU dan Encik Maniam A/L Arumugam, Timbalan KSU (Operasi) KSM telah menghadiri sesi tersebut. Sesi ini merupakan satu platform dialog di antara pihak Pengurusan Tertinggi KSM dengan warga kerja daripada pelbagai Jabatan / Agensi KSM di Sarawak. Dalam sesi tersebut warga kerja diberi peluang untuk menyuarakan apa-apa pandangan dan cadangan berhubung perkara perkhidmatan Jabatan / Agensi masing-masing.



AKTIVITI RASMI JABATAN

Program Mini Karnival Kerjaya Lundu

Program Mini Karnival Kerjaya Lundu telah diadakan pada 1 Februari 2020 bertempat di Dewan Sri Pakma SMK Lundu, Kuching. Seramai 8 majikan telah menyertai program ini dengan menawarkan 342 jawatan kosong. Pada hari tersebut, seramai 124 pencari kerja telah ditemuduga dengan 92 orang telah berjaya ditempatkan ke dalam pekerjaan. Dianggarkan seramai 538 orang pengunjung yang hadir ke program ini.



Kursus Pemantapan Undang-Undang Perburuhan dan Penyediaan Kertas Siasatan

Kursus ini diadakan pada 11 Februari hingga 14 Februari 2020 bertempat di Harbour View Hotel, Kuching yang melibatkan seramai 33 orang pegawai. Ceramah kali ini disampaikan oleh penceramah dari Jabatan lain di bawah Kementerian Sumber Manusia iaitu Encik Lim Inn Tong, Penolong Pengarah Kesatuan Sekerja dari Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS) Sarawak dan Puan Noorlia binti Mahlee, Penolong Pengarah Perhubungan Perusahaan dari Jabatan Perhubungan Perusahaan (JPP). Manakala penceramah dalaman pula adalah Puan Asmarina binti Othman (Ketua Bahagian Perkhidmatan Pekerja), Encik Phang Pin (Penolong Kanan Pengarah Tenaga Kerja) dan Puan Kong Siew Chou (Penasihat Undang-undang). Selain didedahkan dengan Akta-akta yang dikuatkuasakan oleh Jabatan, para peserta kursus juga didedahkan dengan Akta Kesatuan Sekerja 1959 dan Akta Perhubungan Perusahaan 1967.

Antara objektif kursus ini adalah seperti berikut:-

- (1) memberi pendedahan intensif kepada peserta baru berkenaan dengan peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan tugas harian pegawai. Misalnya isu-isu / peruntukan-peruntukan penting dalam Ordinan Buruh (Sarawak Bab 76), Akta Pekerjaan Swasta 1981, Akta Umur Persaraan Minimum 2012, Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (Pindaan Gaji Minimum 2020), Kanun Tatacara Jenayah serta lain-lain lagi; dan
- (2) memberi pendedahan lanjutan kepada pegawai yang masih baru berkenaan dengan isu-isu berkaitan penguatkuasaan Ordinan Buruh (Sarawak Bab 76) dan undang-undang perburuhan yang lain.

Dalam kursus ini juga para peserta didedahkan dengan latihan amali bagi menyiapkan kertas siasatan mengikut arahan dan pekeliling yang telah dikeluarkan oleh Unit Undang-Undang.



Program Turun Padang ke Ladang

Pada 12 Februari 2020, Ketua Bahagian Standard Perburuhan (BSP) bersama 2 orang pegawai BSP dan seorang pegawai Pejabat Tenaga Kerja Serian telah pergi ke Ladang United Treamtrade Sdn Bhd (UTT) yang terletak di Balai Ringin, Serian untuk membuat pemeriksaan dan melaksanakan salah satu inisiatif baru Bahagian Standard Perburuhan yang dinamakan Program Turun Padang ke Ladang. Program ini bertujuan untuk:-

- (i) menjalankan pemeriksaan berkanun ke atas ladang terpilih bagi memastikan pematuhan undang-undang perburuhan oleh majikan;
 - (ii) memeriksa keadaan rumah pekerja dan kemudahan-kemudahan lain yang disediakan untuk pekerja ladang;
 - (iii) meneliti dan mendapatkan maklumat berkaitan Pusat Pembelajaran Komuniti (PKK) / *Community Learning Centre* (CLC) serta penggajian guru bantu/ guru bina di sekolah berkenaan bagi mengesahkan tiada atau ada penyalahgunaan lesen penggajian pekerja bukan pemastautin yang diberikan kepada majikan memandangkan pihak pengurusan ladang boleh melantik mana-mana pekerja warganegara Indonesia yang berkelayakan dan merupakan pekerja di ladang untuk menjawat jawatan guru bantu di CLC ladang tersebut;
 - (iv) memerhati dan mendapatkan gambaran lebih jelas tentang keadaan sebenar yang berlaku di ladang-ladang di Sarawak yang mempunyai CLC di Sarawak;
 - (v) membuat tinjauan berkaitan penggajian buruh paksa dan buruh kanak-kanak;
 - (vi) menjalankan risikan bagi mendapatkan maklumat sama ada terdapat penggajian pekerja bukan pemastautin tanpa lesen atau tanpa permit kerja dari Jabatan Imigresen Malaysia untuk tujuan pelaksanaan operasi bersepadu; dan
 - (vii) mendapatkan maklumat berkaitan amalan-amalan baik yang diamalkan oleh majikan.
- Beberapa siri program ini juga dirancang untuk diadakan di beberapa kawasan yang mempunyai CLC di Sarawak.



AKTIVITI RASMI JABATAN

Program Mini Karnival Kerjaya Lubok Antu

Program Mini Karnival Kerjaya Sri Aman telah diadakan pada 16 Februari 2020 bertempat di Dewan Pemanca Chua Teng Yew, Lubok Antu. Seramai 9 majikan telah menyertai program ini dengan menawarkan 204 jawatan kosong. Pada hari tersebut, seramai 194 pencari kerja telah ditemuduga dengan 24 orang telah berjaya ditempatkan ke dalam pekerjaan. Dianggarkan seramai 707 orang pengunjung yang hadir ke program ini.




Bengkel *Data Cleansing Labour Market Database (LMD)*

Bahagian Penyelidikan dan Maklumat telah berjaya menganjurkan bengkel ini secara dalaman kepada sebahagian pengguna LMD Jabatan yang terpilih seperti berikut:-

Tarikh	Tempat	Bil Peserta
18 – 19 Februari 2020	Bilik Mesyuarat, PTK Kuching	17
11 – 12 Mac 2020	Bilik Mesyuarat, PTK Sibu	17

Antara objektif bengkel ini adalah untuk:-

- menjalankan proses data cleansing bagi sistem;
- mengemaskini dan melengkapkan maklumat di dalam sistem; dan
- menekankan amalan terbaik penggunaan sistem.



AKTIVITI RASMI JABATAN

Kursus Asas Pemantapan Undang-Undang Perburuhan



Kursus ini diadakan pada 19 Februari hingga 20 Februari 2020 bertempat di Harbour View Hotel, Kuching yang melibatkan seramai 34 orang pegawai dari gred S19 hingga S26. Ceramah disampaikan oleh Puan Nur Huda binti Mohammad Imran, Penolong Kanan Pengarah Tenaga Kerja.

Para peserta dalam kursus ini diberikan pendedahan awal berkaitan akta-akta yang digunapakai oleh seseorang pegawai di Jabatan Tenaga Kerja Sarawak sebagai persediaan awal. Antara objektif kursus ini adalah seperti berikut:-

- (1) memberi pendedahan intensif kepada peserta baru berkenaan dengan peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan tugas harian pegawai. Misalnya isu-isu/peruntukan-peruntukan penting dalam Ordinan Buruh (Sarawak Bab 76), Akta Pekerjaan Swasta 1981, Akta Umur Persaraan Minimum 2012, Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (Pindaan Gaji Minimum 2020), Kanun Tatacara Jenayah serta lain-lain lagi; dan
- (2) memberi pendedahan lanjutan kepada pegawai yang masih baru berkenaan dengan isu-isu berkaitan penguatkuasaan Ordinan Buruh (Sarawak Bab 76) dan undang-undang perburuhan yang lain.

Program *Outreach* di Ba'kelalan, Lawas

Bahagian Standard Perburuhan Jabatan Tenaga Kerja Sarawak (JTK Sarawak) telah melaksanakan Program *Outreach* yang pertama bagi tahun 2020 yang berlangsung dari 20 hingga 22 Februari 2020 bertempat di Ba'kelalan, Lawas dengan jayanya.

Program ini merupakan salah satu usaha Jabatan yang diadakan untuk melihat dan memahami keadaan sebenar di kawasan-kawasan pedalaman dalam menyampaikan perkhidmatan JTK Sarawak. Melalui pendekatan ini, pihak pengurusan tertinggi JTK Sarawak berpeluang untuk merasai dan menilai sendiri impak perkhidmatan yang disampaikan oleh JTK Sarawak kepada masyarakat setempat. Selain itu, pemeriksaan berkanun bersama-sama pegawai di lapangan juga turut dijalankan semasa Program *Outreach* tersebut bagi memastikan majikan mematuhi undang-undang perburuhan.

Seramai 6 orang yang diketuai oleh Pengarah Tenaga Kerja Sarawak, Ketua Bahagian Standard Perburuhan, 2 orang pegawai Bahagian Standard Perburuhan, 2 orang Pegawai Tenaga Kerja Lawas dan 2 orang pemandu telah turut serta dalam Program *Outreach* kali ini. Perjalanan ke Ba'kelalan mengambil masa lebih kurang setengah hari dari Lawas menggunakan kenderaan pacuan 4 roda milik JTK Sarawak. Keadaan jalan yang berbatu-batu kecil, berbatu2 besar dan bertanah kuning amat mencabar dan menyukarkan pemanduan terutama apabila hari hujan menyebabkan masa yang panjang diambil untuk sampai ke destinasi yang ditujui. Keadaan tersebut bukan sahaja menguji kekuatan fizikal malah mental dan emosi semua pegawai yang mengikuti program ini. Pengalaman sepanjang mengikuti Program *Outreach* di Ba'kelalan, Lawas amat berharga dan tidak mungkin diperoleh di tempat-tempat yang lain.



AKTIVITI RASMI JABATAN

Program Mini Karnival Kerjaya Kapit

Program Mini Karnival Kerjaya Kapit telah diadakan pada 22 Februari 2020 bertempat di Hotel Meligai, Kapit. Seramai 7 majikan telah menyertai program ini dengan menawarkan 170 jawatan kosong. Pada hari tersebut, seramai 139 pencari kerja telah ditemuduga dengan 39 orang telah berjaya ditempatkan ke dalam pekerjaan. Dianggarkan seramai 248 orang pengunjung yang hadir ke program ini.



AKTIVITI RASMI JABATAN

Taklimat Perintah Gaji Minimum (PGM) 2020



Timb. Pengarah, En. Sulaiman bin Ismail (dua dari kiri), Setiausaha MPGN, En. Aminuddin bin Ab Rahman (tiga dari kiri) serta Ketua Bahagian Standard Perburuhan, Pn. Jamillah binti Putit bergambar dengan wakil dari pihak berkuasa tempatan.

Bahagian Standard Perburuhan telah melaksanakan Program Taklimat Perintah Gaji Minimum 2020 bertempat di Grand Dormani Rajah Court Hotel dengan jayanya pada 25 Februari 2020.

Objektif taklimat ini adalah bagi memberi pendedahan dan maklumat tambahan kepada pegawai-pegawai jabatan sebagai penguatkuasa Perintah Gaji Minimum 2020 yang mula berkuatkuasa pada 1 Februari 2020.

Selain itu, ianya juga bertujuan untuk memberi penjelasan kepada Pihak Berkuasa Tempatan berkaitan perintah tersebut disamping memperolehi maklumat lanjut berhubung kawasan-kawasan di bawah bidang kuasa PBT berkenaan.

Taklimat ini telah disampaikan oleh Setiausaha Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN), Encik Aminuddin bin Ab Rahman. Seramai 70 orang pegawai jabatan dan 8 orang wakil dari pihak berkuasa tempatan telah hadir taklimat pada hari tersebut.



Bengkel Penerangan Manual Prosedur Kerja (MPK) Penggajian Pekerja Bukan Pemastautin Siri 1/2020

Jabatan Tenaga Kerja Sarawak melalui Bahagian Penggajian Pekerja Bukan Pemastautin telah menganjurkan Bengkel Penerangan Manual Prosedur Kerja (MPK) Penggajian Pekerja Bukan Pemastautin Siri 1/2020 bertempat di Hotel Fifty Six (56), Kuching pada 26 Februari 2020 (Rabu) sehingga 28 Februari 2020 (Jumaat).

Penglibatan pegawai-pegawai adalah seramai 34 orang yang terdiri daripada Ketua Pejabat dan pegawai-pegawai dari setiap bahagian di Ibu Pejabat dan Pejabat Tenaga Kerja (PTK).

Tujuan bengkel ini dianjurkan adalah untuk:

- ✓ memaklumkan peserta bengkel tentang Surat Pekeliling Bahagian Penggajian Pekerja Bukan Pemastautin Bil. 1/2020 - Manual Prosedur Kerja (MPK) Bahagian Penggajian Pekerja Bukan Pemastautin;
- ✓ memberi penerangan tentang penambahbaikan MPK yang baharu;
- ✓ memberi penerangan tentang arahan-arahan, polisi dan dasar terkini penggajian pekerja bukan pemastautin; dan
- ✓ memberi penerangan tentang penambahbaikan Monitoring Systems On The Employment of Non-Sarawakian (MSEN) oleh pihak SAINS.

Penganjuran bengkel ini adalah untuk memastikan peserta bengkel memahami prosedur kerja yang telah ditambahbaik dan perkara penting dalam pengisian maklumat dalam MSEN dengan lebih tepat dan berkesan. Selain itu, strategi untuk pengurusan kes pampasan pekerja juga dibentangkan untuk memastikan semua kes pampasan pekerja termasuk pengurusan wang deposit pampasan pekerja diurus dengan cepat, tepat dan berintegriti.

Pada hari terakhir bengkel ini, pihak SAINS selaku pihak 'developer' MSEN dan wakil dari Unit Pentadbiran, Jabatan Ketua Menteri Sarawak iaitu Encik Jack Meredu ak Ko dan Puan Grace Lim dijemput untuk memaklumkan polisi semasa Kerajaan Negeri Sarawak berkaitan penggajian pekerja bukan pemastautin. Wakil SAINS seterusnya memberi satu taklimat ringkas mengenai penambahbaikan MSEN yang telah dibuat seperti modul permohonan lesen penggajian pekerja bukan pemastautin tempoh singkat dan majikan kapal ikan, laporan serta cara membuat pertanyaan atau *inquiry* dalam MSEN.

Maklumbalas daripada peserta bengkel telah diperolehi dan direkod untuk tindakan pembetulan dan penambahbaikan selanjutnya.

AKTIVITI RASMI JABATAN

Gambar sekitar Bengkel Penerangan Manual Prosedur Kerja (MPK) Penggajian Pekerja Bukan Pemastautin Siri 1/2020



Para peserta yang hadir Bengkel Penerangan Manual Prosedur Kerja (MPK) Penggajian Pekerja Bukan Pemastautin Siri 1/2020



Sesi taklimat oleh Encik Dedua ak Taim @ Tiam, Ketua Bahagian Penggajian Pekerja Bukan Pemastautin berhubung perkara penting dalam



Encik Wong Kuek Kong dan Encik Melvin, wakil dari SAINS membuat pembentangan penambahbaikan MSEN



Sesi penerangan oleh Encik Jack Meredu ak Ko dari Unit Pentadbiran, Jabatan Ketua Menteri Sarawak berhubung dengan perkembangan terkini polisi Kerajaan Negeri Sarawak terhadap penggajian pekerja bukan pemastautin



Sesi bergambar peserta Bengkel Penerangan Manual Prosedur Kerja (MPK) Penggajian Pekerja Bukan Pemastautin Siri 1/2020 di Hotel Fifty Six, Kuching

AKTIVITI RASMI JABATAN

Program Mini Karnival Kerjaya Asajaya



Program Mini Karnival Kerjaya Asajaya telah diadakan pada 7 Mac 2020 bertempat di Dewan Kampung Tambirat, Asajaya. Seramai 10 majikan telah menyertai program ini dengan menawarkan 465 jawatan kosong. Pada hari tersebut, seramai 347 pencari kerja telah ditemuduga dengan 176 orang telah berjaya ditempatkan ke dalam pekerjaan. Dianggarkan seramai 430 orang pengunjung yang hadir ke program ini.



Kursus Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)

Pada 9 hingga 10 Mac 2020, Jabatan telah menganjurkan Kursus Ekosistem Kondusif Sektor Awam di Promena Hotel, Bintulu. Seramai 45 orang pegawai dan staf daripada Ibu Pejabat dan Pejabat Bahagian di Sarawak telah menghadiri kursus ini. Kursus ini telah dikendalikan oleh penceramah dalaman iaitu Encik Mohamad Shahrudin bin Zaidil, Ketua Bahagian Khidmat Pengurusan. Antara objektif kursus ini adalah untuk:-

- (i) mentranformasi perkhidmatan awam bagi memantapkan pengurusan di tempat kerja ke arah meningkatkan imej organisasi sesebuah Jabatan;
- (ii) pengurusan persekitaran tempat kerja yang lebih seragam dan sistematik; dan
- (iii) membantu warga JTK Sarawak merancang dan melaksanakan usaha-usaha menghasilkan persekitaran tempat kerja yang kondusif bagi meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.



Program *Outreach* di Semop, Mukah

Pada tahun ini, Bahagian Standard Perburuhan (BSP), Jabatan Tenaga Kerja Sarawak telah mengambil inisiatif dengan melaksanakan Program *Outreach* di Semop, Mukah pada 12 dan 13 Mac 2020 dengan jayanya. Program ini dijalankan oleh pegawai-pegawai daripada BSP yang diketuai oleh Puan Jamillah binti Putit, Ketua Bahagian Standard Perburuhan, Puan Robiah binti Omar Baki dan Puan Siti Amirra binti Haji Mohamad bersama-sama dengan Puan Zaynullita binti Drahman Bujang, Ketua Pejabat Tenaga Kerja Mukah dan pegawainya Encik Lukmannizam bin Abdullah.

Aktiviti yang diadakan dalam program *outreach* ini adalah termasuk Program Turun Padang Ke Ladang bagi ladang-ladang terpilih yang mempunyai Pusat Pembelajaran Komuniti (PPK)/ *Community Learning Centre* (CLC) untuk anak-anak pekerja ladang dari Indonesia. Ia merupakan institusi pendidikan sementara yang menyediakan kemudahan pendidikan asas untuk anak-anak pekerja ladang warga Indonesia yang bekerja secara sah dan berumur antara 7 hingga 12 tahun di Negeri Sarawak.

Program ini juga melibatkan beberapa aktiviti Jabatan termasuklah menjalankan

pemeriksaan berkanun ke atas ladang terpilih tersebut untuk mengetahui secara dekat tentang pematuhan undang-undang perburuhan oleh majikan, memeriksa keadaan rumah pekerja dan kemudahan-kemudahan lain yang disediakan oleh majikan untuk pekerja ladang serta mendapatkan maklumat berkenaan amalan baik yang dijalankan oleh majikan.

Selain itu, pegawai di Jabatan ini boleh meneliti dan mendapatkan maklumat berkaitan CLC serta penggajian guru bantu/ bina di sekolah berkenaan bagi mengesahkan tiada atau ada penyalahgunaan lesen penggajian pekerja bukan pemastautin yang diberikan kepada majikan memandangkan pihak pengurusan ladang boleh melantik mana-mana pekerja warganegara Indonesia yang berkelayakan dan merupakan pekerja di ladang untuk menjawat jawatan guru bantu di CLC ladang tersebut.

Di samping itu, pegawai-pegawai yang menjalankan pemeriksaan dapat memerhati dan mendapatkan gambaran lebih jelas tentang keadaan sebenar yang berlaku di ladang-ladang di Sarawak dan memastikan majikan mematuhi undang-undang perburuhan serta pekerja mengetahui hak mereka sebagai pekerja.

AKTIVITI RASMI JABATAN

Gambar sekitar Program *Outreach* di Semop, Mukah



Puan Jamillah binti Putit, Ketua Bahagian Standard Perburuhan bersama pegawai-pegawai dan pemandu jabatan sedang menaiki bot menuju ke seberang ladang



Puan Jamillah binti Putit, Ketua Bahagian Standard Perburuhan bersama-sama pegawai sedang mendengar respon majikan berkaitan keadaan ladang



Puan Jamillah binti Putit sedang memberi penjelasan berkaitan undang-undang perburuhan kepada majikan



Pegawai-pegawai menyemak daftar di pejabat majikan



Tempat tinggal pekerja di ladang yang dilawati



Bilik Gerakan COVID-19



Pada 17 Mac 2020, Kerajaan Malaysia telah mengumumkan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mulai 18 Mac 2020 di seluruh Malaysia bagi mengawal penyakit berjangkit *Coronavirus* (COVID-19) yang telah merebak berleluasa di seluruh dunia.

Bilik Gerakan COVID-19 Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Sarawak mulai beroperasi di Wisma Bapa Malaysia di bawah naungan Kerajaan Negeri Sarawak pada 18 Mac 2020 dan kemudiannya telah berpindah kembali ke JTK Sarawak pada 13 April 2020 sehingga 19 Jun 2020 untuk memberi khidmat nasihat kepada masyarakat industri berhubung hal-hal perburuhan semasa tempoh PKP.

Sepanjang tempoh tersebut, Bilik Gerakan COVID-19 telah menerima 9,189 pertanyaan daripada orang awam, pekerja ataupun majikan melalui panggilan telefon, emel dan facebook rasmi Jabatan.



Soalan berbangkit mengenai isu pekerjaan dan perburuhan sepanjang tempoh PKPB **COVID-19**

Hubungi Talian Hotline
BILIK GERAKAN
JABATAN TENAGA KERJA SARAWAK

ISNIN – JUMAAT
 (8.00 PAGI – 4.00 PETANG)

082 547 412
082 242 261
082 523 867

Email : jtknsarawak@mohr.gov.my

CONTACT US



HOTLINE

<http://www.jtknsarawak.gov.my>

<https://www.facebook.com/jtknsarawak/>

SUDUT PENDIDIKAN

PERBURUHAN

VSS: Mekanisma yang Perlu Diketahui Majikan dan Pekerja

VSS ialah singkatan bagi “*Voluntary Separation Scheme*”, atau dalam Bahasa Melayu, Skim Pemisahan Sukarela. VSS merupakan satu skim yang dilaksanakan oleh majikan dengan cara mempelawa pekerja memohon untuk berhenti kerja secara sukarela dengan majikannya. Pada kebiasaannya, pekerja ditawarkan faedah yang ditetapkan oleh majikan. Pekerja yang memilih VSS akan dibayar faedah yang ditawarkan itu setelah diluluskan oleh majikan.

Pelaksanaan VSS adalah bertujuan untuk mengurangkan pekerja dan meningkatkan kecekapan operasi syarikat majikan. Apabila sesebuah syarikat mahu menstruktur semula perniagaannya dan melibatkan pengurangan pekerja, syarikat boleh menawarkan VSS kepada pekerja. Selain itu, VSS juga merupakan satu pilihan alternatif apabila majikan berhadapan dengan masalah kewangan tetapi memilih untuk tidak memberhentikan pekerja demi menjaga reputasinya.

VSS bukanlah satu-satunya skim yang ada dalam negara ini. Apabila majikan merancang untuk mengurangkan pekerja, terdapat juga skim-skim lain seperti “*Voluntary Exit Scheme*”, “*Early Retirement Scheme*”, “*Mutual Separation Scheme*” dan lain-lain. Walaupun skim-skim di atas sering dipandang sebagai perkara yang negatif oleh masyarakat umum, namun skim tersebut sebenarnya membolehkan kedua-dua pihak majikan dan pekerja menamatkan hubungan secara baik dan profesional. Adakalanya pekerja yang mengambil skim ini juga diberi latihan dan berpeluang untuk mencari kerja yang lebih baik dan menyahut cabaran di tempat kerja yang baharu.

Di beberapa buah negara, majikan yang berhasrat untuk melaksanakan VSS perlu mendapatkan kelulusan pihak yang berkuasa sebelum pelaksanaannya. Antara kriteria yang dipertimbangkan oleh pihak yang berkuasa dalam meluluskan VSS adalah syarikat majikan berkenaan telah kehilangan wang untuk jangka masa tertentu dan telah menerapkan langkah-langkah seperti membekukan pengambilan pekerja baharu, menghadkan kerja lebih masa, mengurangkan hari dan waktu bekerja, mengurangkan gaji dan sebagainya sebelum melaksanakan VSS.

Di Sarawak, kelulusan pihak yang berkuasa untuk melaksanakan VSS tidak diperjelaskan di bawah mana-mana statut. Walau bagaimanapun, majikan yang berhasrat untuk melaksanakan VSS dikehendaki untuk melengkapkan dan mengemukakan borang pemberitahuan pemberhentian kerja (JTKSWK.19) kepada Jabatan Tenaga Kerja yang berdekatan sekurang-kurangnya tiga puluh hari sebelum pelaksanaannya. Perkara ini telah diperuntukkan di bawah perenggan 2(1) Pemberitahuan (Pemberhentian) Kerja 2009 dan seksyen 60 Ordinan Buruh (Sarawak Bab 76). Kegagalan mematuhi peruntukan tersebut merupakan satu kesalahan di bawah seksyen 130E (e) Ordinan yang sama.

Dalam pelaksanaan VSS, pekerja akan diberi pilihan sama ada untuk menerima pemberhentian kerja atas terma dan syarat yang ditawarkan oleh majikan dalam VSS, atau terus kekal bekerja dengan majikan. Pekerja yang memilih VSS dengan cara sukarela akan membawa kepada penamatan kontrak perkhidmatannya dengan majikan dan akan dibayar faedah-faedah mengikut terma dan syarat yang ditawarkan dalam VSS itu.

SUDUT PENDIDIKAN

PERBURUHAN

Terdapat persoalan yang ditimbulkan sama ada faedah-faedah yang dibayar oleh majikan dalam VSS tertakluk kepada peruntukan Ordinan, khususnya faedah penamatan yang pekerja berhak menerima berdasarkan Kaedah-Kaedah Buruh (Sarawak) (Faedah Penamatan dan Pemberhentian Kerja Sementara) 2008? Menurut kaedah 4(1) Kaedah 2008 tersebut, seseorang pekerja adalah berhak kepada bayaran faedah penamatan jika kontrak perkhidmatannya ditamatkan, yang dikira mengikut tempoh perkhidmatan dan gaji pekerja itu.

Dalam kes *Chin Lian Long Motor Vehicle Company Berhad v. Layang anak Tawi & 4 Others* (Civil Appeal No. KCH-12B-40-2010-I), perayu merupakan sebuah syarikat pengangkutan yang mengalami kemerosotan perniagaan dan terpaksa melakukan penutupan. Perayu menawarkan VSS dengan satu bulan gaji kepada responden-responden. Walau bagaimanapun, responden-responden meminta faedah tersebut dinaikkan kepada enam bulan gaji. Permintaan tersebut dipersetujui oleh perayu dan ekornya responden-responden menandatangani VSS. Walau bagaimanapun, responden-responden kemudian enggan menerima bayaran yang telah dipersetujui. Sebaliknya, responden-responden memfailkan tuntutan terhadap perayu. Menurut responden-responden, mereka berhak dibayar gaji ganti notis menurut Ordinan dan bayaran faedah penamatan di bawah Kaedah 2008. Hakim Mahkamah Tinggi, Yang Arif Ravinthran N. Pamaraguru dalam menyampaikan keputusannya menyatakan bahawa VSS merupakan satu perkara yang tidak diperuntukkan di bawah Ordinan maka ia boleh dipersetujui menerusi perundingan di antara kedua-dua belah pihak majikan dan pekerja. Tambahan lagi, seksyen 10B Ordinan tidak menghalang rundingan sedemikian. Dengan itu, Mahkamah Tinggi menolak tuntutan responden-responden.

Dalam kes *Zainon Ahmad Ors v. Padiberas National Bhd.* [2012] 8 CLJ 29, plaintif-plaintif merupakan bekas pekerja defendan yang memilih VSS seperti yang ditawarkan oleh defenden. Selepas dua tahun tamat kerja dengan defenden, plaintif-plaintif menulis kepada defenden menuntut faedah-faedah penamatan di bawah terma dan syarat kontrak perkhidmatan. Defenden tidak bersetuju dan plaintif-plaintif memfailkan tuntutan terhadap defenden. Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa plaintif-plaintif mengetahui faedah-faedah penamatan dan pampasan yang akan dibayar dan diterima oleh mereka atas penamatan perkhidmatan mereka di bawah VSS. Plaintif-plaintif juga mempunyai pilihan untuk menerima VSS atau terus bekerja dengan defendan. Dalam kes ini, plaintif-plaintif telah melaksanakan pilihan mereka dan menerima amaun yang perlu dibayar. Jika dibenarkan plaintif-plaintif untuk menuntut semula faedah-faedah yang tidak dimasukkan dalam pakej akan mensia-siakan keseluruhan tujuan VSS ditawarkan.

Persoalan yang selanjutnya adalah sama ada ketiadaan justifikasi yang kukuh atau cara pengendalian VSS yang tidak tepat terjumlah kepada satu pemecatan kerja yang tidak adil kepada pekerja. Dalam kes *Suseela Devi Balakrishnan v. Inti International College Kuala Lumpur Sdn. Bhd.* [2019] 1 ILR 421, pekerja telah berkhidmat dengan syarikat majikan selama tempoh beberapa tahun. Semasa penamatan perkhidmatan, pekerja memegang jawatan Pemangku Ketua Eksekutif. Pada 24 November 2015, pekerja diberitahu bahawa syarikat majikan menawarkan pilihan VSS kepadanya. Pekerja berasa dirinya diremehkan dan tidak dihargai secara profesional. Berikutan itu, pekerja mendakwa ia telah dipecat tanpa sebab atau alasan yang munasabah oleh majikan.

SUDUT PENDIDIKAN PERBURUHAN

Setelah mempertimbangkan keterangan yang dikemukakan oleh syarikat, mahkamah memutuskan bahawa syarikat tidak dapat membuktikan bahawa terdapat lebih pekerja dan tidak dapat memberikan keterangan yang menyakinkan untuk menawarkan VSS kepada pekerja. Dengan itu, majikan gagal membuktikan bahawa pekerja telah dipecat atas sebab atau alasan yang munasabah. Saksi yang hadir bagi pihak syarikat juga mengesahkan bahawa pada tarikh akhir pekerja berkhidmat, pihak syarikat telah mengumumkan bahawa Ketua Eksekutif yang baharu telah dilantik dan akan melapor diri dalam masa yang terdekat. Mahkamah telah merujuk kepada kes *Chapman & Others v. Goonvean & Rostowrack China Clay Co Ltd* [1973] 2 All ER 1063 dan *Bayer (M) Sdn. Bhd. v. Ng Hong Pau* [1999] 4 CLJ 155 yang memutuskan bahawa *"It is clear that where someone else takes over the work function of the dismissed employee, redundancy cannot arise. As such, dismissal for reasons of redundancy will become a dismissal without just cause or excuse."*

Berdasarkan autoriti-authoriti di atas, adalah dirumuskan bahawa majikan yang menawarkan VSS kepada pekerja tidak tertakluk kepada bayaran faedah penamatan yang diperuntukkan di bawah Kaedah 2008. Walau bagaimanapun, majikan yang melaksanakan VSS hendaklah mempunyai justifikasi yang kukuh apabila menawarkan VSS kepada pekerja. Jika tidak, pelaksanaan VSS oleh majikan boleh dianggap sebagai satu pemecatan pekerja tanpa sebab atau alasan yang munasabah.

Disediakan oleh,

Phang Pin


Penolong Kanan Pengarah Tenaga Kerja
Bahagian Standard Perburuhan
Jabatan Tenaga Kerja Sarawak



Data Terbuka Malaysia

Apa itu Data Terbuka Malaysia?

Pernahkah anda ingin mengetahui statistik yang dikeluarkan oleh sesuatu kementerian? Contohnya, jumlah pekerja asing berdaftar di Malaysia, senarai nama pekerjaan yang menawarkan gaji yang tinggi, senarai syarikat yang mempunyai paling ramai pekerja dan sebagainya? Tahukah anda? Malaysia mempunyai 13,626 unit set data terbuka yang boleh dimuat turun di laman sesawang www.data.gov.my.



Portal Data Terbuka Sektor Awam, www.data.gov.my merupakan *one-service-centre* kepada rakyat mencapai dan memuat turun data terbuka Kerajaan secara dalam talian. Portal ini telah dilancarkan pada 23 Mei 2016 dan penggunaanya masih aktif sehingga kini.

Objektif data terbuka

- Membolehkan data terbuka dikongsi secara lebih meluas dan meningkatkan ketelusan perkhidmatan Kerajaan;
- Memberi peluang kepada rakyat dan komuniti bisnes bagi meningkatkan kreativiti dan inovasi di dalam penciptaan produk baharu;
- Menyediakan platform kepada rakyat bagi mendapatkan maklumat dari sumber rasmi Kerajaan dan sebagai saluran mendapatkan maklum balas daripada rakyat;
- Menjimatkan kos pembangunan aplikasi agensi Kerajaan.

Peneraju Data Terbuka

Berikut adalah beberapa peneraju Data Terbuka Kementerian (Tahun 2018 dan 2019)

- Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kewangan, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Kerja Raya dan Kementerian Sumber Manusia
- Untuk senarai penuh, sila rujuk <http://www.data.gov.my/page/datachampion>

INFO ICT

Cara memohon set data terbuka

1. Sila rujuk <http://www.data.gov.my/request>
2. Isikan maklumat seperti nama penuh, nombor telefon, emel dan keterangan set data yang dikehendaki. Contohnya: "Senarai nama pekerjaan dan jumlah gaji yang ditawarkan oleh syarikat swasta".
3. Pilih penyumbang set data. Contohnya: Kementerian Sumber Manusia, Kementerian
4. Nyatakan format data yang diperlukan. Contohnya: Excel atau CSV.
5. Tick pada "Saya bukan robot"
6. Klik "Hantar"
7. Status permohonan akan dimaklumkan melalui emel. Sila rujuk emel.

Terma Penggunaan Data Terbuka Kerajaan 1.0

Sila rujuk www.data.gov.my/page/termsfuse

Kesimpulan

Kebolehan untuk menggunakan sumber terbuka dapat meningkatkan kreativiti dan produktiviti sekali gus meningkatkan kecekapan individu, masyarakat dan negara. Marilah kita sama-sama memanfaatkan data terbuka Malaysia.



SALAM PERKENALAN



Nama : Diana Supit
Jawatan : Pegawai Perhubungan
Perusahaan Gred S41
Dari : JTK Selangor
Ke : PTK Bintulu
Berkuatkuasa : 13.01.2020



Nama : Norzaliza binti Abu Hassan
Jawatan : Pembantu Tadbir
(Perkeranian/Operasi) Gred N22
Dari : Kementerian Perdagangan
Dalam Negeri dan Hal Ehwal
Pengguna Negeri Sarawak
Ke : Ibu Pejabat, Jabatan Tenaga
Kerja Sarawak
Berkuatkuasa : 25.02.2020



Nama : Noor Hazlin binti Hanif
Jawatan : Pembantu Perhubungan
Perusahaan Gred S19
Dari : Lantikan baharu
Ke : PTK Miri
Berkuatkuasa : 06.03.2020



Nama : Susan Sue anak Olivia Kada
Jawatan : Pembantu Tadbir
(Perkeranian/Operasi) Gred N22
Dari : Ibu Pejabat, Polis Daerah
Kuching
Ke : PTK Kuching
Berkuatkuasa : 22.06.2020

KENAIKAN PENGKAT



Nama : Dayang Feera binti Abang Engkeh
Jawatan : Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N22(TBK)
Penempatan : Ibu Pejabat, Jabatan Tenaga Kerja Sarawak
Berkuatkuasa : 02.02.2019



Nama : Martha anak Sawun
Jawatan : Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N22(TBK)
Penempatan : PTK Kuching
Berkuatkuasa : 11.08.2019

PERTUKARAN (KELUAR JABATAN)



Nama : Alvin Clinton anak Suder
Jawatan : Pembantu Tadbir
(Kewangan) Gred W19
Dari : Ibu Pejabat, Jabatan
Tenaga Kerja Sarawak
Ke : Jabatan Pertanian Sarawak
Berkuatkuasa : 01.02.2020



Nama : Morsidi bin Ona
Jawatan : Pembantu Tadbir
(Perkeranian/Operasi) Gred N22
Dari : Ibu Pejabat, Jabatan
Tenaga Kerja Sarawak
Ke : Ibu Pejabat, Polis Kontinjen
Negeri Sarawak
Berkuatkuasa : 10.02.2020



Nama : Mastiah binti Isamawi
Jawatan : Pembantu Tadbir
(Perkeranian/Operasi) Gred N22
Dari : Ibu Pejabat, Jabatan Tenaga
Kerja Sarawak
Ke : Pejabat MITI Wilayah Sarawak
Berkuatkuasa : 25.02.2020



Nama : Siti Para Suara binti Ahmad
Jawatan : Penolong Pegawai
Perhubungan Perusahaan Gred S29
Dari : PTK Miri
Ke : PTK Dungun
Berkuatkuasa : 13.07.2020

BERITA WARCA

PERTUKARAN (DALAMAN)



Nama : Dedua anak Taim @ Tiam
Jawatan : Pegawai Perhubungan
Perusahaan Gred S48
Dari : ptk Kuching
Ke : Ibu Pejabat, Jabatan Tenaga Kerja
Sarawak
Berkuatkuasa :02.01.2020



Nama : Wan Ainon Zuhaida Binti Wan
Abdul Khalid
Jawatan : Pegawai Perhubungan
Perusahaan Gred S48 (M)
Dari : PTK Kuching
Ke : Ibu Pejabat, Jabatan Tenaga Kerja
Sarawak
Berkuatkuasa : 02.01.2020



Nama : Hussien Anak Akong
Jawatan : Pegawai Perhubungan
Perusahaan Gred S41/S44
Dari : PTK Sri Aman
Ke : PTK Kuching
Berkuatkuasa : 02.01.2020



Nama : Lio Siang Yun
Jawatan : Pegawai Perhubungan
Perusahaan Gred S41/S44
Dari : PTK Marudi
Ke : PTK Sibu
Berkuatkuasa : 02.01.2020



Nama : Khusyairy Pangkas Abdullah
Jawatan : Pegawai Perhubungan
Perusahaan Gred S41/S44
Dari : PTK Kapit
Ke : PTK Miri
Berkuatkuasa : 02.01.2020



Nama : Aida Fadzilla binti Yusuf
Jawatan : Pegawai Perhubungan
Perusahaan Gred S41
Dari : Ibu Pejabat Jabatan Tenaga Kerja
Sarawak
Ke : PTK Sri Aman
Berkuatkuasa : 02.01.2020

PERTUKARAN (DALAMAN)



Nama : Sumai anak Renang
Jawatan : Pegawai Perhubungan
Perusahaan Gred S41
Dari : PTK Bintulu
Ke : PTK Kapit
Berkuatkuasa : 02.01.2020



Nama : Mac Gyver anak Majang
Jawatan : Pegawai Perhubungan
Perusahaan Gred S41
Dari : PTK Sibul
Ke : PTK Marudi
Berkuatkuasa : 02.01.2020



Nama : Jevline Lireh Semu
Jawatan : Pegawai Perhubungan
Perusahaan Gred S41
Dari : PTK Miri
Ke : PTK Bintulu
Berkuatkuasa : 02.01.2020



Nama : Frederick Sait anak Numpang
Jawatan : Pegawai Perhubungan
Perusahaan Gred S41
Dari : PTK Kuching
Ke : Ibu Pejabat Jabatan Tenaga Kerja
Sarawak
Berkuatkuasa : 02.01.2020



Nama : Haji Nurul Ashikin bin Bohari
Jawatan : Penolong Pegawai Perhubungan
Perusahaan Gred S32
Dari : PTK Saratok
Ke : PTK Bintulu
Berkuatkuasa : 02.01.2020



Nama : Mustapha bin Jobeli
Jawatan : Penolong Pegawai Perhubungan
Perusahaan Gred S32
Dari : PTK Sri Aman
Ke : PTK Saratok
Berkuatkuasa : 02.01.2020

BERITA WARGA

PERTUKARAN (DALAMAN)



Nama : Zaynullita binti Drahman Bujang
Jawatan : Penolong Pegawai Perhubungan
Perusahaan Gred S32
Dari : Ibu Pejabat Jabatan Tenaga Kerja
Sarawak
Ke : PTK Mukah
Berkuatkuasa : 02.01.2020



Nama : Aini binti Mustapha
Jawatan : Penolong Pegawai Perhubungan
Perusahaan Gred S32
Dari : PTK Miri
Ke : PTK Marudi
Berkuatkuasa : 02.01.2020



Nama : Dominic anak Empera
Jawatan : Penolong Pegawai Perhubungan
Perusahaan Gred S32
Dari : PTK Mukah
Ke : PTK Sibü
Berkuatkuasa : 02.01.2020



Nama : Edwin Eddy anak Eddy
Jawatan : Penolong Pegawai Perhubungan
Perusahaan Gred S32
Dari : PTK Marudi
Ke : PTK Bakun
Berkuatkuasa : 02.01.2020



Nama : Mathew anak Lasah
Jawatan : Penolong Pegawai Perhubungan
Perusahaan Gred S32
Dari : PTK Bakun
Ke : PTK Miri
Berkuatkuasa : 02.01.2020



Nama : Zayatini binti Zahari
Jawatan : Penolong Pegawai Perhubungan
Perusahaan Gred S32 (M)
Dari : PTK Serian
Ke : Ibu Pejabat Jabatan Tenaga Kerja
Sarawak
Berkuatkuasa : 18.05.2020

PEGAWAI YANG BERSARA



Nama : Jessie anak Julius Edward
Jawatan : Jurubahasa Gred LA22(TBK)
Tarikh Bersara : 06.02.2020
Pejabat : PTK Kuching



Nama : Asmat bin Said
Jawatan : Penghantar Notis Gred N11
Tarikh Bersara : 09.02.2020
Pejabat : PTK Limbang



Nama : Jeffery bin Bakar
Jawatan : Pemandu Kenderaan Gred H11
Tarikh Bersara : 31.03.2020
Pejabat : PTK Sibu



Nama : Hadiah Haji Mohammad
Jawatan : Pembantu Tadbir
(Perkeranian/Operasi) Gred N19(KUP)
Tarikh Bersara : 18.04.2020
Pejabat : Ibu Pejabat Jabatan Tenaga Kerja Sarawak



Nama : Yussof bin Tuko
Jawatan : Pembantu Operasi Gred N14
Tarikh Bersara : 30.04.2020
Pejabat : PTK Sibu



Nama : Barbara anak Suyang
Jawatan : Pembantu Tadbir
(Perkeranian/Operasi) Gred N22(TBK)
Tarikh Bersara : 02.05.2020
Pejabat : Ibu Pejabat Jabatan Tenaga Kerja Sarawak


KELAHIRAN CAHAYA MATA



Nama Pegawai : Hamirdazuraina
binti Amit
Jawatan : Pembantu Tadbir
(Kewangan) Gred N22(TBK)
Pejabat : PTK Mukah
Nama Anak : Hadiff Khairullah Bin
Khairul Annuar
Tarikh Lahir : 04.01.2020
Jantina : Lelaki



Nama Pegawai : Edwin Eddy anak
Eddy
Jawatan : Penolong Pegawai
Perhubungan Perusahaan Gred S32
Pejabat : PTK Bakun
Nama Anak : Elsabell Shephea anak
Edwin Eddy
Tarikh Lahir : 11.01.2020
Jantina : Perempuan



Nama Pegawai : Diana binti Haji
Nerawi
Jawatan : Penolong Akauntan
(KUP) Gred N29
Pejabat : PTK Betong
Nama Anak : Mohammad Asywad
bin Tihi
Tarikh Lahir : 08.01.2020
Jantina : Lelaki



Nama Pegawai : Heyward anak
Banggit
Jawatan : Penolong Pegawai
Perhubungan Perusahaan Gred
S32
Pejabat : PTK Serian
Nama Anak : Schatriona
Maekayla anak Heyward
Tarikh Lahir : 28.01.2020
Jantina : Perempuan

KELAHIRAN CAHAYA MATA



Nama Pegawai : Tiong Siew Moi
Jawatan : Jurubahasa Gred N19
Pejabat : PTK Sibul
Nama Anak : Bella Tan Jun Xin
Tarikh Lahir : 28.01.2020
Jantina : Perempuan



Nama Pegawai : Arman Bin Sadek
Jawatan : Pemandu Kenderaan Gred N11
Pejabat : Ibu Pejabat Tenaga Kerja Sarawak
Nama Anak : Nur Alisha binti Arman Sadek
Tarikh Lahir : 26.02.2020
Jantina : Perempuan



Nama Pegawai : Siti Khamariah binti Openg
Jawatan : Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred N22(TBK)
Pejabat : PTK Kuching
Nama Anak : Nur Alisha binti Arman Sadek
Tarikh Lahir : 26.02.2020
Jantina : Perempuan



Nama Pegawai : Stephenie Rolan
Jawatan : Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred N19
Pejabat : PTK Sri Aman
Nama Anak : Melvyia Mella anak Munan
Tarikh Lahir : 31.03.2020
Jantina : Perempuan

KELAHIRAN CAHAYA MATA



Nama Pegawai : Nurmala binti Talip
Jawatan : Pembantu Perhubungan Perusahaan Gred S19
Pejabat : PTK Kota Samarahan
Nama Anak : Muhammad Al Fatteh bin Muhd Taufiq
Tarikh Lahir : 18.06.2020
Jantina : Lelaki



SEKALUNG TAKZIAH

Bonda kepada Puan Barbara anak Suyang, Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N22 (TBK) dari Ibu Pejabat, Jabatan Tenaga Kerja Sarawak telah meninggal dunia pada 12.01.2020;

Ayahanda kepada Puan Loren anak Vincent, Penolong Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S38(M) dari PTK Sri Aman telah meninggal dunia pada 25.01.2020;


Ayahanda kepada Encik Mohamad bin Tahir, Pembantu Perhubungan Perusahaan Gred S19 dari Pusat JobsMalaysia Kuching telah kembali ke rahmatullah pada 13.02.2020; dan

Ayahanda kepada Encik Dedua anak Ta'im @ Tiam, Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S48 dari Ibu Pejabat, Jabatan Tenaga Kerja Sarawak dan Puan Ritip anak Ta'im @ Tiam, Pembantu Operasi Gred N11 dari PTK Serian telah meninggal dunia pada 06.05.2020

Warga kerja JTK Sarawak mengucapkan takziah kepada keluarga mereka yang berkenaan. Semoga rohnya dihimpunkan dalam kalangan orang-orang yang beriman. Amin.


MUTIA RA KATA

"Success is not final, failure is not fatal: it is the courage to continue that counts."
— **Winston S. Churchill**




"You never fail until you stop trying." — **Albert Einstein**

"You have brains in yo ur head. You have feet in your shoes. You can steer yourself any direction you choose. You're on your own. And you know what you know. And YOU are the one who'll decide where to go..." — **Dr. Seuss**



ALAMAT PEJABAT

Lokasi Pejabat Tenaga Kerja Sarawak



JABATAN TENAGA KERJA SARAWAK KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

Tingkat 13, Bangunan Sultan Iskandar
Jalan Simpang Tiga, Peti Surat 1383, 93532
Kuching, Sarawak
Telefon: 082 242 261, 082 414 062
Telekerja: 082 242 050
Faks: 082 244 909, 082 237 051
Emel: jtknsarawak@mohr.gov.my
Laman Web: <http://www.jtkswk.gov.my>

ALAMAT PEJABAT

Lokasi Pejabat Tenaga Kerja Sarawak

PEJABAT TENAGA KERJA KUCHING

Tkt.7 & 8, Bangunan KWSP, Jalan Upland,
Peti Surat 375, 93300 Kuching

Tel : 082-247349
Fax : 082-247305
Emel : jtkbkuching@mohr.gov.my

PEJABAT TENAGA KERJA SAMARAHAN

Sub Lot No.33, Lot 4681, Tkt.Bawah 1 & 2, Fasa 17, Blok 1, Desa Ilmu,
Sarawak Land District, Jln Dato' Mohd Musa, 94300 Kota Samarahan

Tel : 082-616073
Fax : 082-616054
Emel : jtkbsamarahan@mohr.gov.my

PEJABAT TENAGA KERJA SERIAN

Tkt. Bawah, Lot 1061-1062, Jalan Alamanda,
Serian Town District, 94700 Serian

Tel : 082-874840
Fax : 082-875299
Emel : jtkbserian@mohr.gov.my

PEJABAT TENAGA KERJA SRI AMAN

Tkt. Bawah, Bgn. Persekutuan Fasa II, Jalan Kejatau,
Peti Surat 83, 95007 Sri Aman

Tel : 083-322527
Fax : 083-323194
Emel : jtkbsriaman@mohr.gov.my

PEJABAT TENAGA KERJA BETONG

Sublot 35 Of Parent Lot 1992, Phase 3, Block 9,
Batu Api Land District, Betong Newtownship, 95700 Betong

Tel : 083-420233
Fax : 083-420244
Emel : jtkbbetong@mohr.gov.my

PEJABAT TENAGA KERJA SARATOK

Ground Floor, 3 Storey Shophouse,
Lot 719, Saratok Town District, 95400 Saratok

Tel : 083-438603
Fax : 083-438609
Emel : jtkbsaratok@mohr.gov.my

PEJABAT TENAGA KERJA SARIKEI

Tkt.2, Wisma Persekutuan,
Jln. Bgn. Kerajaan, 96100 Sarikei

Tel : 084-651242
Fax : 084-654011
Emel : jtkbsarikei@mohr.gov.my

PEJABAT TENAGA KERJA SIBU

Tkt.3, Wisma Persekutuan Blok 3, Lot 462, Persiaran Brooke,
Peti surat 431, 96007 Sibu

Tel : 084-330700
Fax : 084-317284
Emel : jtkbsibu@mohr.gov.my

PEJABAT TENAGA KERJA KAPIT

Tkt.2, Wisma Persekutuan, Jalan Kapit By-Pass,
Peti surat 75, 96807 Kapit

Tel : 084-796430
Fax : 084-797637
Emel : jtkbkapit@mohr.gov.my

PEJABAT TENAGA KERJA MUKAH

Sublot No.43, Lot 924 & 927, Block 68, Mukah Land District,
Mukah Town Extension Phase II, 96400 Mukah

Tel : 084-874179
Fax : 084-874182
Emel : jtkbmukah@mohr.gov.my

PEJABAT TENAGA KERJA BINTULU

Tkt.2, Bangunan Persekutuan, Batu 2, Jln Bintulu/Miri,
Peti Surat 418, 97008 Bintulu

Tel : 086-337625
Fax : 086-339457
Emel : jtkbbintulu@mohr.gov.my

PEJABAT TENAGA KERJA BAKUN

No.4, Sungai Asap Commercial Centre, Belaga
Peti Surat 418, 97008 Bintulu

Tel : 019-8595286
Fax : 086-339457
Emel : jtkbbakun@mohr.gov.my

PEJABAT TENAGA KERJA MIRI

Tkt.3, Bangunan. Persekutuan, Jalan Gartok,
Peti Surat 541, 98007 Miri

Tel : 085-419949
Fax : 085-417181
Emel : jtkbmiri@mohr.gov.my

PEJABAT TENAGA KERJA LIMBANG

Tkt.2, Bgn Persekutuan, Jalan Fisher,
Peti Surat 128, 98707 Limbang

Tel : 085-211228
Fax : 085-212461
Emel : jtkblimbang@mohr.gov.my

ALAMAT PEJABAT

Lokasi Pejabat Tenaga Kerja Sarawak

PEJABAT TENAGA KERJA MARUDI

Tkt.2, Wisma Persekutuan, Jalan Kampung Cina,
Peti Surat 224, 98508 Marudi

Tel : 085-755963

Fax : 085-756559

Emel : jtkbmarudi@mohr.gov.my

PEJABAT TENAGA KERJA LAWAS

Tingkat Bawah 1 & 2, Bangunan Kedai 3 Tingkat,
Lot 334, Jln Trusan, Lawas Town District, 98850 Lawas

Tel : 085-285452

Fax : 085-285476

Emel : jtkblawas@mohr.gov.my



PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Pihak penerbit ingin merakamkan setinggi tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat samada secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan penerbitan Buletin JTK Sarawak Edisi 22 kali ini.

© Hak Cipta Terpelihara

Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh disiarkan dalam apa-apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit Jabatan Tenaga Kerja Sarawak, Kementerian Sumber Manusia.

Buletin JTK Sarawak Edisi 22

Diterbitkan oleh:

Bahagian Penyelidikan Dan Maklumat
Jabatan Tenaga Kerja Sarawak
Kementerian Sumber Manusia
Tingkat 13, Bangunan Sultan Iskandar
Jalan Simpang Tiga, Peti Surat 1383,
93532 Kuching, Sarawak

Telefon: 082 242 261, 082 414 062

Telekerja: 082 242 050

Faks: 082 244 909, 082 237 051

Emel: jtknsarawak@mohr.gov.my

Laman Web: <http://www.jtkswk.gov.my>

